



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato' /YBr.  
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 23 Julai 2024.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<p><b>Salur maklumat kanak-kanak perempuan hilang di Talian Kasih – Exco</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/salur-maklumat-kanakkanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-480198">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/salur-maklumat-kanakkanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-480198</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2320786">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2320786</a></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/salur-maklumat-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-IC12760118">https://thesun.my/cerita/berita/salur-maklumat-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-IC12760118</a></p> <p><a href="https://x.com/501Awani/status/1815399176274108782">https://x.com/501Awani/status/1815399176274108782</a></p> <p><a href="https://seeni.my/article/salur-maklumat-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-astro-awani-480198">https://seeni.my/article/salur-maklumat-kanak-kanak-perempuan-hilang-di-talian-kasih-exco-astro-awani-480198</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>The Sun</p> <p>Twitter Awani</p> <p>Seeni Online</p>	Positif
2.	<p><b>KPWKM peruntukan RM50,000 setiap PAWE seluruh negara</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/22/kpwkm-peruntukan-rm50000-setiap-pawe-seluruh-negara">https://www.utusanborneo.com.my/2024/07/22/kpwkm-peruntukan-rm50000-setiap-pawe-seluruh-negara</a></p>	Utusan Borneo	Positif

3.	<p><b>Bayi 6 bulan bergantung alat bantuan pernafasan</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/07/22/bayi-6-bulan-bergantung-alat-bantuan-pernafasan/">https://www.kosmo.com.my/2024/07/22/bayi-6-bulan-bergantung-alat-bantuan-pernafasan/</a></p>	Kosmo	Neutral
4.	<p><b>Kasih ibu tiada bandingan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1113799/kasih-ibu-tiada-bandingan">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2024/07/1113799/kasih-ibu-tiada-bandingan</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/07/1274642/kasih-ibu-tiada-bandingan-warga-emas-cekal-jaga-anak-lumpuh">https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/07/1274642/kasih-ibu-tiada-bandingan-warga-emas-cekal-jaga-anak-lumpuh</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
5.	<p><b>Warga emas dikhuatiri hilang selepas keluar ke kebun</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-dikhuatiri-hilang-selepas-keluar-ke-kebun/">https://www.buletintv3.my/nasional/warga-emas-dikhuatiri-hilang-selepas-keluar-ke-kebun/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1274937/warga-emas-dikhuatiri-hilang-selepas-keluar-ke-kebun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/07/1274937/warga-emas-dikhuatiri-hilang-selepas-keluar-ke-kebun</a></p> <p><a href="https://www.dailyexpress.com.my/news/238509/warga-emas-hilang-di-kebun-pitas-/">https://www.dailyexpress.com.my/news/238509/warga-emas-hilang-di-kebun-pitas-/</a></p> <p><a href="https://www.nasionaldaily.com/">https://www.nasionaldaily.com/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/10/887645/warga-emas-hilang-selepas-keluar-ke-kebun">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2022/10/887645/warga-emas-hilang-selepas-keluar-ke-kebun</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hilang-selepas-keluar-rumah-belum-dijumpai-465615">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-hilang-selepas-keluar-rumah-belum-dijumpai-465615</a></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2022/06/09/warga-emas-hilang-semasa-turun-ke-kebun">https://www.utusanborneo.com.my/2022/06/09/warga-emas-hilang-semasa-turun-ke-kebun</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2020/08/20/lelaki-warga-emas-hilang-selepas-berkebun/">https://www.kosmo.com.my/2020/08/20/lelaki-warga-emas-hilang-selepas-berkebun/</a></p>	<p>Buletin TV3</p> <p>Berita Harian</p> <p>Daily Express</p> <p>Nasional Daily Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Utusan Borneo</p> <p>Kosmo</p>	Neutral

<p>6.</p>	<p><b>Johor peruntuk RM54.7 juta bina, baik pulih rumah miskin tegar</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/johor-peruntuk-rm547-juta-bina-baik-pulih-rumah-miskin-tegar-480094">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/johor-peruntuk-rm547-juta-bina-baik-pulih-rumah-miskin-tegar-480094</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2320424">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2320424</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/johor-peruntuk-rm54-7-juta-bina-baik-pulih-rumah-miskin-tegar">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/johor-peruntuk-rm54-7-juta-bina-baik-pulih-rumah-miskin-tegar</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/07/22/rm54-juta-bantu-baiki-bina-rumah-baharu-golongan-miskin-di-johor-mb/">https://malaysiagazette.com/2024/07/22/rm54-juta-bantu-baiki-bina-rumah-baharu-golongan-miskin-di-johor-mb/</a></p> <p><a href="https://utusanv.com/2024/07/22/kerajaan-johor-peruntuk-rm54-79-juta-baik-pulih-bina-rumah-miskin-tegar/">https://utusanv.com/2024/07/22/kerajaan-johor-peruntuk-rm54-79-juta-baik-pulih-bina-rumah-miskin-tegar/</a></p> <p><a href="https://x.com/501Awani/status/1815227172954755225">https://x.com/501Awani/status/1815227172954755225</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1260287/johor-umum-peruntukan-rm5479-juta-bina-baik-pulih-rumah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/06/1260287/johor-umum-peruntukan-rm5479-juta-bina-baik-pulih-rumah</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Bernama</p> <p>Berita RTM</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Utusan TV</p> <p>Twitter Awani</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Positif</p>
<p>7.</p>	<p><b>Dugaan lima beradik, hilang ibu dan ayah kandung dalam tempoh sebulan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1113985/dugaan-lima-beradik-hilang-ibu-dan-ayah-kandung-dalam-tempoh-sebulan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/07/1113985/dugaan-lima-beradik-hilang-ibu-dan-ayah-kandung-dalam-tempoh-sebulan</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1274921/ibu-baru-meninggal-bapa-pula-menyusul-5-beradik-kini-yatim-piatu">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/07/1274921/ibu-baru-meninggal-bapa-pula-menyusul-5-beradik-kini-yatim-piatu</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Berita Harian</p>	<p>Neutral</p>
<p>8.</p>	<p><b>In Terengganu, woman charged with abusing daughter, 6, by throwing her out of window ordered to undergo mental examination</b></p>		<p>Neutral</p>

<https://www.malaymail.com/news/malaysia/2024/07/22/in-terengganu-woman-charged-with-abusing-daughter-6-by-throwing-her-out-of-window-ordered-to-undergo-mental-examination/144629>

Malay Mail

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/07/22/woman-charged-with-abusing-daughter-ordered-to-undergo-mental-health-check>

The Star

<https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/07/22/court-orders-woman-charged-with-abusing-daughter-sent-for-mental-examination/>

FMT

[https://newswav.com/article/in-terengganu-woman-charged-with-abusing-daughter-6-by-throwing-her-out-of-A2407\\_68qtFN](https://newswav.com/article/in-terengganu-woman-charged-with-abusing-daughter-6-by-throwing-her-out-of-A2407_68qtFN)

NewsWav

## SALUR MAKLUMAT KANAK-KANAK PEREMPUAN HILANG DI TALIAN KASIH – EXCO



**JOHOR BAHRU:** Kerajaan Johor menyeru orang ramai untuk menyalurkan maklumat mengenai seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun yang dilaporkan hilang di sebuah pusat beli-belah di Iskandar Puteri, Sabtu lepas kepada Talian Kasih 15999.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Johor Khairin-Nisa Ismail@Md On berkata maklumat itu juga, boleh disalurkan melalui aplikasi Whatsapp di talian 019-2615999 atau Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah berdekatan.

Beliau berkata orang ramai turut boleh menghubungi balai polis berdekatan atau talian khas Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Iskandar Puteri 019-2792095 atau Talian Bilik Gerakan 07-2212999.

"Kerajaan negeri di bawah Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Negeri Johor telah mengarahkan semua agensi di bawah jawatankuasa ini, untuk membuat hebahan berkaitan kehilangan kanak-kanak tersebut," katanya dalam kenyataan malam ini.

Beliau berkata kerajaan negeri memandang serius isu kehilangan kanak-kanak itu dan menyeru ibu bapa atau penjaga serta orang awam agar lebih prihatin dan peka, dalam memastikan pemantauan dan keselamatan kanak-kanak diberi perhatian utama setiap masa.

Semalam, Ketua Polis Daerah Iskandar Puteri ACP M Kumarasan dilapor meminta bantuan orang ramai untuk mengesan Albertine Leo Jia Hui yang disedari hilang oleh bapanya di sebuah pusat beli-belah kira-kira 8.30 malam, Sabtu.

Kumarasan dipetik berkata kanak-kanak berketinggian lebih kurang 120 sentimeter, rambut panjang berwarna hitam, kulit cerah dan tubuh sederhana kurus itu, memakai kemeja T berwarna putih dengan gambar 'Mickey Mouse' pada bahagian dada dan berseluar pendek.

## KPWKM PERUNTUKAN RM50,000 SETIAP PAWE SELURUH NEGARA



LAWAT: Dr Noraini menandatangani buku pelawat PAWE Tawau.

TAWAU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) memperuntukan sebanyak RM50,000 untuk setiap Pusat Warga Emas (PAWE) yang diwujudkan di seluruh negara.

Timbalan Menteri KPWKM, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad berkata, peruntukan itu adalah untuk kegunaan aktiviti yang dirancang oleh setiap PAWE sepanjang tahun ini.

Katanya, setakat ini sebanyak 164 buah PAWE yang diwujudkan di seluruh negara telah menerima peruntukan kerajaan menerusi belanjawan lalu.

“Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa membentangkan belanjawan mengatakan bahawa setiap Parlimen perlu ada satu PAWE diwujudkan.

“Namun, saya beranggapan bahawa mungkin boleh dibuka lebih daripada satu PAWE dalam setiap Parlimen supaya matlamat penubuhannya dapat direalisasikan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas melawat Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) Tawau, di sini hari ini.

Menurutnya, PAWE diwujudkan supaya menggalakkan lebih ramai masyarakat terutamanya warga emas berkumpul menjalankan pelbagai aktiviti bermanfaat.

“Kita mahukan warga emas kekal sihat dan menjadi lebih produktif kerana Malaysia kini menuju negara menua pada tahun 2030.

“Justeru, dalam persiapan itu, kita mahu lebih ramai warga emas dapat menjalankan aktiviti-aktiviti berfaedah supaya mereka mengamalkan gaya hidup sihat dan berinteraksi antara satu sama lain,” katanya.

Dr Noraini menzahirkan rasa bangga kerana PAWE Tawau antara yang paling cemerlang dan aktif menjalankan aktiviti-aktiviti berfaedah.

“Kita dapati PAWE Tawau berjaya mewujudkan satu suasana baharu kepada warga emas serta menjalankan aktiviti sihat kepada ahlinya,” katanya.

## BAYI 6 BULAN BERGANTUNG ALAT BANTUAN PERNAFASAN



SUNGAI PETANI – Sepasang suami isteri melalui ujian berat apabila anak sulung mereka, Nur Afeeya Haura Abdullah Syahid, berusia enam bulan disahkan menghidap *Pierre Robin syndrome* dan sumbing lelangit sejak lahir.

*Pierre Robin syndrome* adalah keadaan bayi dilahirkan dengan tulang rahang bawah yang kecil, menyebabkan lidah boleh menyekat tekak sehingga menyebabkan sukar bernafas.

Ekoran itu, Nur Afeeya Haura dijangka terpaksa bergantung hidup dengan alat bantuan pernafasan sehingga usianya 18 bulan, selain perlu menjalani rawatan berkala di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH), Sungai Petani dan Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar.

Ibunya, Nur Hasnadia Mohamad, 25, yang bekerja di sebuah kilang di Pulau Pinang berkata, dia terpaksa mengambil cuti tanpa gaji selama setahun bagi menguruskan anaknya.

Katanya, disebabkan itu, perbelanjaan bulanan mereka terpaksa ditanggung sepenuhnya oleh suaminya, Abdullah Syahid Mohd. Noor, 25, yang bekerja sebagai operator di kilang sama.

“Gaji kasar suami saya hanya RM1,500. Dengan gaji tersebut dia perlu membayar sewa rumah, bayaran bulanan kereta, bil air dan elektrik serta perbelanjaan makan dan minum harian.

“Selain itu, kami juga memerlukan kos tambahan untuk membeli keperluan Afeeya seperti susu dan lampin pakai buang dengan kos sehingga RM500 sebulan,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Taman Rhu, Tikam Batu. di sini, baru-baru ini.

## KASIH IBU TIADA BANDINGAN



Hanisah bersama anak sulungnya, Mohd Azrul Nizam yang lumpuh dan hanya mampu mengesot ketika ditemui di rumah mereka di Kampung Sungai Keladi. FOTO Hazira Ahmad Zaidi

KOTA BHARU: Kasih ibu tidak ada bandingan. Itulah yang dilakukan oleh Hanisah Junoh, 70, yang menjaga anak lelakinya berusia 46 tahun yang lumpuh sejak 20 tahun lalu.

Hanisah berkata, kasih sayangnya sebagai seorang ibu tidak pernah berhenti kepada anak sulungnya, Mohd Azrul Nizam Mohd Zainol walaupun mungkin dia sendiri sudah lanjut usia.

Katanya, kasih sayang pada Mohd Azrul Nizam tidak pernah berbelah bahagi apatah lagi ketika ini anak lelakinya itu hilang upaya untuk berjalan dan hanya mampu mengesot.

"Meskipun hanya mampu mengesot, namun Mohd Azrul Nizam mampu melakukan sendiri semua urusan harian termasuk makan, minum, dan mandi," katanya ketika ditemui di kediamannya di Kampung Sungai Keladi.

Bercerita lanjut, Hanisah yang juga ibu tunggal berkata, anak sulung daripada tujuh beradik itu terjatuh sehingga menyebabkannya lumpuh dan terlantar selama beberapa tahun.

"Namun dengan kaedah perubatan secara tradisional, Alhamdulillah tahap kesihatan anak saya semakin baik meskipun dia tidak mampu berjalan, tetapi sekurang-kurangnya Mohd Azrul Nizam yang masih belum berkahwin boleh menguruskan diri sendiri.

"Bagaimanapun yang lebih membimbangkan saya apabila Mohd Azrul Nizam diserang sawan dan disebabkan itu dia perlu bergantung kepada ubat sawan yang perlu dimakan dua kali sehari," katanya.

Sementara itu, Mohd Azrul Nizam berharap penyakitnya itu sembuh kerana dia mahu bekerja bagi menampung keperluan diri.

"Saya kini hanya mampu bergantung kepada bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sebanyak RM500 sebulan yang boleh digunakan untuk membeli keperluan.

"Bagi mengetahui tahap perkembangan kesihatan, setiap enam bulan sekali saya perlu menghadiri temujanji berjumpa doktor di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZII)," katanya.

## **WARGA EMAS DIKHUATIRI HILANG SELEPAS KELUAR KE KEBUN**



**KOTA MARUDU:** Seorang warga emas dikhuatiri hilang selepas keluar ke kebunnya di Kampung Tambilidon, Pitas, semalam.

Adau Tangas, 83 tahun, dikatakan ke kebun berkenaan pagi semalam dan tidak pulang sehingga hari ini.

Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah, berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kejadian itu pada jam 10.30 pagi.

Sepasukan anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Kota Marudu diketuai Pegawai Bomba Kanan II, Marcelius Junus digerakkan ke lokasi kejadian.

"Operasi pencarian dibahagikan kepada tiga sektor dan setiap sektor berkeluasan kira-kira empat hektar.

"Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) ini dijalankan di sektor pertama yang dibantu oleh penduduk kampung," menurut satu kenyataan hari ini.

SAR ditangguhkan pada jam 5 petang tadi dan akan disambung semula esok.

## **JOHOR PERUNTUK RM54.7 JUTA BINA, BAIK PULIH RUMAH MISKIN TEGAR**



JOHOR BAHRU: Kerajaan negeri mengumumkan peruntukan sebanyak RM54.79 juta menerusi dua inisiatif bagi membantu rakyat yang kurang berkemampuan di negeri ini.

Menteri Besar Johor, Datuk Onn Hafiz Ghazi, berkata dua inisiatif itu adalah bagi membina rumah baharu dan membaik pulih rumah sedia ada.

Beliau berkata, sebanyak 328 unit rumah akan dibina manakala 1,368 unit rumah akan terbabit dalam inisiatif baik pulih.

"Bagi membantu mereka yang kurang berkemampuan, Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM32 juta bagi inisiatif Bina Baharu Rumah membabitkan 328 unit manakala RM22.79 juta bagi inisiatif Baik Pulih Rumah membabitkan 1,368 unit," katanya menerusi hantaran baharu di Facebook rasminya, hari ini.

## **DUGAAN LIMA BERADIK, HILANG IBU DAN AYAH KANDUNG DALAM TEMPOH SEBULAN**

Alor Gajah: Bagaikan jatuh ditimpa tangga. Demikian nasib lima beradik yang menjadi yatim piatu apabila bapa mereka maut dalam kemalangan di Kilometer (KM) 213.2 Lebu Raya Utara Selatan, awal pagi hari ini.

Ibu mereka, Normala Paisaluddin, 40, yang juga seorang guru meninggal dunia pada 5 Jun lalu akibat sesak nafas.

Ibu saudara mereka, Nur Hayaty Md Ramli, 39, berkata, dia menerima berita mengejutkan itu apabila dihubungi pegawai polis jam 6.30 pagi.

Katanya, sebelum itu seorang lelaki pekerja penarik kereta ke rumahnya di Batu 12, Sungai Udang, di sini, dan memaklumkan adik lelakinya, Mohd Firdaus, 38, parah akibat kemalangan dan dirawat di Hospital Alor Gajah (HAG).